

Dr. M: Punca kegelisahan golongan belia berpelajaran

Pengeluaran siswazah yg tak dapat memainkan peranan pembangunan

U.M. - 5 MAR 1980

KUALA LUMPUR 4 Mac — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan hari ini bahawa pengeluaran siswazah dan pemegang diploma yang tidak dapat memainkan peranan dalam pembangunan masa depan negara akan menjadi punca kegelisahan golongan belia berpelajaran.

Ini juga merupakan satu pembaziran harta negara yang terbatas, tambahnya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, negara di peringkat ini juga tidak mampu menjalankan penyelidikan semata-mata sekadar memenuhi aspirasi mereka yang ingin mendapatkan sarjana kedoktoran.

"Kita tidak boleh menempatkan diri kita dalam keadaan di mana kemahiran dan keperluan negara yang sedang membangun ini menjadi masalah yang terpaksa dihadapi pada akhirnya," kata beliau.

Timbalan Perdana Menteri menambah bahawa kegiatan-kegiatan penyelidikan yang dijalankan untuk akhirnya terperap di rak-rak dan arkib-arkib universiti dan pertubuhan penyelidikan seharusnya dikesali kalau tidak pun ditinggalkan terus.

Dr. Mahathir, juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian, berucap merasmikan bengkel kebangsaan mengenai kerjasama di antara industri, institusi penyelidikan dan universiti di sebuah hotel, terkemuka di sini. Bengkel tersebut akan berlangsung tiga hari.

Beliau menegaskan yang kecekapan tenaga rakyat dan penyelidikan tempatan harus disesuaikan secara langsung dengan matlamat pembangunan negara.

Dari segi ini kedua-dua pihak universiti dan perindustrian harus bekerjasama dalam memainkan peranan yang bererti bagi masa depan negara, ujar beliau.

Beliau menarik perhatian menafaat-menafaat rancangan ke arah perindustrian tidak akan dapat dikecapi oleh negara ini kalau sektor perindustrian mewujudkan pekerjaan-pekerjaan yang memerlukan kemahiran dan kepakaran yang tidak dapat ditampung oleh rakyat tempatan.

Pertubuhan-pertubuhan penyelidikan tempatan dapat memainkan peranan yang penting dalam tempoh negara sedang beralih perhatian pada pembangunan sektor perindustrian berasaskan sumber asli di tahun-tahun 80an ini, ujarnya.

Dr. Mahathir menekankan yang setakat ini hampir semua penggunaan sumber-sumber asli negara telah diperkembangkan di luar negeri dalam keadaan yang asing dari Malaysia.

"Adalah tidak keterlaluan untuk mencadangkan supaya para penyelidik kita menumpukan perhatian kepada perbezaan-perbezaan keadaan iklim tropika untuk menentukan penggunaan-penggunaan baru bagi sumber-sumber asli kita," kata Dr. Mahathir lagi.

Dalam hal ini pihak perindustrian boleh menarik perhatian pihak penyelidik tempatan tentang bidang-bidang yang wajar diselidiki kerana rekabentuk yang diwujudkan bagi iklim temperat akan menimbulkan masalah perindustrian yang terpaksa diatasi di sini, tambah beliau.

Timbalan Perdana Menteri berkata keadaan ekonomi dunia, dengan kos pengangkutan yang meningkat, telah menolak Malaysia ke arah suatu zaman perindustrian yang secara tulen melengkapkan industri negara-negara maju.

Maka itu penekanan negara bukan lagi ke atas pembangunan kawasan dan negeri luar bandar yang kurang membangun yang dinyatakan dengan penumpuan kepada industri berasaskan sumber asli, kata beliau.

Penekanan juga dilakukan terhadap peluasan dan peningkatan asas teknologi sektor industri tempatan, dan mungkin juga kepada bidang kejuruteraan ringan serba sedikit, tambah Timbalan Perdana Menteri.

Dr. Mahathir menegaskan tenaga mahir tempatan harus dipertingkatkan kerana peningkatan industri negara dari kejuruteraan ringan kepada industri berat memerlukan kepakaran baru dari segi pengurusan dan teknik pengeluaran.